



Headline	KLHC, Maybank teruskan keunggulan		
MediaTitle	Utusan Online(www.utusan.com.my)		
Date	31 Mar 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	300
Page No	5	Readership	8
Language	Malay	ArticleSize	0 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,500
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,500

KLHC, Maybank teruskan keunggulan

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8485305279&z=1600249637](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8485305279&z=1600249637)

KUALA LUMPUR - Kelab yang berada di kedudukan corot, Nur Insafi menjadi mangsa Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) apabila dibelasah 7-0 dalam saingan Liga Hoki Malaysia di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil di sini, semalam. Kemenangan itu turut meletakkan KLHC yang dibarisi enam pemain import mengungguli carta liga setelah mengumpul 10 mata daripada empat perlawanan. Sementara pesaing terdekat KLHC iaitu Maybank yang membenam UniKL 4-1 mengekori rapat di belakang dengan 9 mata. KLHC yang merupakan juara bertahan memperoleh gol pembukaan pada minit ke-22 menerusi pemain import dari Australia, Tim Deavin. Gawang Nur Insafi yang dikawal Nasir Ahmad bocor lagi apabila pemain kebangsaan, Harvinder Singh menyumbat gol kedua pada minit ke-29, sebelum seorang lagi bintang import, Umar Bhutta meledakkan gol ketiga pada minit ke-40. Nabil Fiqri Mohd Nor melebarkan kedudukan menjadi 4-0 pada minit ke-49, manakala Muhammad Imran menambah derita Nur Insafi apabila menyempurnakan jaringan hasil pukulan sudut penalti pada minit ke-53 untuk gol kelima KLHC. Imran sekali lagi meledakkan gol keenam ketika permainan memasuki minit ke-58, sebelum hantarannya berjaya diterima baik rakan sepasukan, Muhammad Najib Abu Hassan untuk gol ketujuh pada minit ke-61. "Kami bermain baik hari ini, semua pemain menjalankan tanggungjawab masing-masing. Tumpuan selepas ini ialah aksi di Kuantan pada minggu depan dan berharap dapat meraih mata penuh," kata jurulatih KLHC, K. Dharmaraj. Sementara itu, dalam perlawanan yang berlangsung di padang bersebelahan, UniKL berjaya memperoleh gol awal pada minit ke-6 menerusi Mohd Noor faeez Ibrahim. Bagaimanapun, Maybank berjaya menebus kesilapan benteng pertahanan untuk menyamakan kedudukan menjadi 1-1 menerusi jaringan Muhammad Irfan yang disempurnakan melalui pukulan sudut penalti pada minit ke-23. Selepas itu, Maybank mula mempamerkan permainan yang lebih garang apabila menambah tiga gol lagi menerusi Shafqat Rasool (minit ke-33), Muhammad Waqas (minit ke-35) dan Dick Cheny Walli yang melengkapkan kemenangan 4-1 pada babak kedua permainan.